



FrieslandCampina nir

nourishing by nature

Compass

Compass untuk tatalaku
perniagaan yang baik



Compass disediakan dalam beberapa bahasa.

Royal FrieslandCampina N.V.
Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort
The Netherlands
T +31 33 713 3333

www.frieslandcampina.com

Komitmen FrieslandCampina

“Nourishing by nature” bermaksud peruntukan nutrisi yang lebih baik untuk seluruh warga dunia dan menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik untuk para peladang kami, pada masa kini dan untuk generasi yang akan datang.

Pertama sekali, kami ingin menyediakan khasiat nutrisi produk tenusu mampu milik untuk seluruh warga dunia yang bakal menyumbang kepada kesihatan masyarakat yang lebih baik. Kedua, kami berazam untuk memberi kehidupan yang baik kepada para peladang kami dengan menjadi satu koperasi yang menarik kepada ahli-ahli koperasi kami serta menyokong para peladang melalui pembangunan tenusu di kawasan-kawasan geografi yang lain. Ketiga, kami menawarkan khasiat nutrisi yang baik untuk seluruh warga dunia dan kehidupan yang baik untuk para peladang kami, samada kini dan juga untuk generasi-generasi yang akan datang. Kesemua usaha ini memerlukan pelaburan jangka masa panjang dalam memastikan perniagaan mampu berkembang secara sihat dalam suasana yang terpelihara serta menghadkan penggunaan sumber semulajadi.

“Nourishing by nature” merupakan suatu titik permulaan yang menawan. Konsep ini menawarkan sesuatu yang amat bererti kepada kesemua pemegang kepentingan kami, samada kini atau di masa hadapan. Pendekatan *“Triple A”* kami (*Alignment, Accountability dan Action*, atau dikenali sebagai *“Kebertanggungjawaban, Penjajaran dan Tindakan”*) dan kewujudan sebuah struktur organisasi yang optimum berdasarkan *“Scope, Scale dan Speed”* (yang dikenali sebagai *“Skop, Skala dan Kelajuan”*) membantu kami dalam mencapai matlamat ini.

Suatu perkara yang amat penting untuk menjadi sebuah organisasi yang maju dan berjaya ialah untuk terus mengekalkan kepercayaan dan keyakinan para pemegang kepentingan organisasi kami. Kami berhasrat untuk

mengekalkan kepercayaan yang diberi ini, satu kepercayaan yang diperolehi sejak beberapa dekad yang lalu dengan mematuhi nilai-nilai yang ditetapkan dalam urusan yang dijalankan. Kesemua nilai-nilai ini berhubung kait dengan kelakuan secara berintegriti, dengan hormat serta cara yang telus. Cara dan tingkah laku organisasi kami mencerminkan tingkah laku para kakitangan kami. Kejayaan dan reputasi organisasi kami bergantung kepada tingkah laku para pekerja dan tatacara urusan yang dijalankan setiap hari.

Dalam menjalankan tugas, kita semua mungkin akan berhadapan dengan halangan, pilihan yang sukar dan dilema kerja. Di saat-saat seperti ini, kod tatalaku kami seharusnya bertindak sebagai garis panduan untuk tatacara urusan yang sewajarnya. Oleh sebab itu, kami menamakan kod tatalaku ini sebagai "*Compass*". Ia adalah menjadi satu tanggungjawab bagi setiap kakitangan organisasi ini untuk bertindak selaras dengan *Compass*. Ini bermakna bahawa kami semua perlu memastikan yang kami semua tahu dan faham akan *Compass* ini.

Keusahawanan secara bertanggungjawab (*responsible entrepreneurship*) bermaksud bahawa kami semua bertanggungjawab dengan mematuhi *Compass* dalam mengendalikan perniagaan dengan cara yang terbaik. Ini bermaksud jikalau anda mempunyai sebarang keraguan, anda harus bertanya dan bawa berbincang, dan suarakan kebimbangan anda itu jika anda berpendapat sedemikian.

Jika anda ingin menjadi sebahagian daripada pasukan kami, ikuti *Compass* dan aplikasikannya dalam kerja harian anda!

Roelof Joosten
Ketua Pegawai Eksekutif
Royal FrieslandCampina N.V.

Isi kandungan

Kakitangan, para pelanggan dan planet kami

1. Keselamatan makanan dan orang awam	7
2. Hak-hak kakitangan dan hak asasi manusia	7
3. Kemampanan	8
4. Mengelak percanggahan kepentingan	8

Rakan perniagaan kami dan lain-lain

5. Hubungan perniagaan	9
6. Menjalankan perniagaan jujur - hadiah dan bayaran	9
7. Aktiviti awam - sumbangan politik, melobi dan kerja amal	10
8. Persaingan seimbang	10
9. Komunikasi seimbang	11

Organisasi kami

10. Penggunaan sumber syarikat	12
11. Perlindungan maklumat sulit	12
12. Perlindungan data	13
13. Integriti pelaporan (kewangan)	13
14. Pencegahan unsur penipuan	13

Ikutilah *Compass*

14

Polisi-polisi, garis panduan dan dokumen-dokumen berkaitan dengan *Compass* boleh dirujuk di laman perkongsian Intranet.

Compass untuk tatalaku perniagaan yang baik ini telah diterimapakai oleh Lembaga Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V. pada 20 May 2015 dan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2016.

Compass untuk tatalaku perniagaan yang baik

Kejayaan kami bergantung kepada tingkah laku kita semua. Kami harus menunjukkan integriti, hormat dan ketelusan dalam menjalankan urusanniaga. Dengan tindakan seperti ini, kami mewujudkan nilai, mengekalkan keyakinan pemegang kepentingan organisasi serta lesen operasi kami. Ini semua menjadi asas kepada reputasi baik, kisah dan kejayaan organisasi ini di masa hadapan.

Kami percaya melalui sikap hormat menghormati dan hubungan perniagaan yang jujur mampu menerbitkan rasa hormat kepada dunia di lokasi kami beroperasi. Ini bermaksud bahawa kami bukan sahaja menurut setiap patah perkataan tetapi juga semangat undang-undang yang terpakai bagi aktiviti-aktiviti kami. Ini bermakna kami menuruti setiap apa yang tersurat dan tersirat di dalam *Compass* serta dasar-dasar polisi kami. Di dalam bahagian-bahagian yang berikutnya, anda akan menemui peraturan utama bagi menjalankan urusanniaga yang baik. Di dalam setiap bahagian, terdapat satu atau lebih rujukan kepada polisi-polisi dan garis panduan yang dapat dijadikan contoh serta membekalkan maklumat yang lebih terperinci.

Kakitangan, para pelanggan dan planet kami

Tatalaku perniagaan kami mengenai keselamatan, perlindungan hak asasi manusia dan perlindungan kepada planet kami adalah berdasarkan integriti dan sikap hormat.

1. Keselamatan makanan dan orang ramai

Harapan pelanggan dan pengguna kepada kami adalah untuk mengeluarkan produk-produk yang selamat dan berkualiti tinggi. Oleh itu, produk-produk kami harus mematuhi piawai yang ketat bagi kualiti produk, kesihatan pengguna dan keselamatan makanan. Fokus kami terhadap keselamatan turut merangkumi keselamatan kakitangan kami: kami komited terhadap persekitaran kerja yang selamat di mana semua orang bertanggungjawab terhadap keselamatan diri sendiri serta orang lain. Keselamatan menjadi keutamaan bagi produk serta kakitangan kami.

→ Sistem Kualiti dan Keselamatan Makanan FrieslandCampina (FoQus)

→ Polisi Keselamatan FrieslandCampina

2. Hak-hak kakitangan dan hak asasi manusia

Kami percaya bahawa kakitangan kami adalah aset kami yang paling berharga. Kami mengesyorkan komunikasi terbuka di antara semua kakitangan dan mereka digalakkan untuk membangunkan diri mereka dari segi profesional dan peribadi. Kami memerlukan kakitangan yang bermotivasi dan terlatih untuk mencapai matlamat kami.

Kami menghormati dan menyokong hak-hak asasi manusia yang digunapakai di peringkat antarabangsa bagi semua pemegang kepentingan kami, sebagai contohnya hak para kakitangan kami untuk menyertai

kesatuan sekerja yang sah dari segi undang-undang. Di FrieslandCampina, kakitangan tidak didiskriminasi atau diganggu rakan sekerja mereka atas dasar bangsa, warna kulit, jantina, orientasi seksual, umur, agama, pendapat politik, kerakyatan, etnik atau keturunan sosial. Dasar *“responsible entrepreneurship”* ini bergantung kepada Garis Panduan OECD untuk perusahaan multinasional, Deklarasi ILO atas Prinsip-prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja serta Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami berharap setiap kakitangan akan terus menangani apa-apa bentuk diskriminasi atau gangguan. Kami tidak bertolak ansur terhadap penggunaan tenaga buruh kanak-kanak dan buruh paksa dan kami berkerjasama dalam penghapusan perkara ini semampu yang boleh. Kami mengharapkan rakan-rakan niaga kami untuk melakukan yang sama.

3. Kemampanan

Kami komited untuk menjalankan perniagaan kami dengan cara mesra alam dan mampan. Pada tahun 2010, kami berikrar untuk mengembangkan perniagaan kami secara *“climate-neutral”*. Impak proses dan pengeluaran kami terhadap persekitaran diminimakan dan pada masa yang sama usaha kami digandakan untuk menjaga kesihatan dan nutrisi secara global serta menyokong penternak-penternak kecil di Asia dan Afrika. Dengan cara ini, kami turut menyumbang kepada pembangunan mampan tanpa menghalang generasi akan datang daripada memenuhi keperluan mereka. Usaha ini adalah sebahagian daripada strategi pembangunan dan perniagaan kami; oleh itu, kami memantau dan melaporkan secara tahunan prestasi kemampanan kami dalam cara yang telus dan konsisten.

→ [Strategi CSR FrieslandCampina](#)

4. Mengelak percanggahan kepentingan

Bekerja di FrieslandCampina bermaksud bekerja dan bertindak secara saksama demi kepentingan organisasi. Adakalanya tanggungjawab terhadap majikan ini boleh bercanggah dengan kepentingan peribadi terhadap keluarga, rakan-rakan mahupun diri sendiri. Dalam keadaan sedemikian, kami berbincang tentang perkara ini secara telus dengan rakan sekerja dan penyelia. Kami bersikap terbuka, jujur dan mengelakkan diri dari sebarang percanggahan kepentingan. Jika perlu, kami menarik diri.

→ [Polisi mengelak percanggahan kepentingan FrieslandCampina](#)

Rakan perniagaan kami dan lain-lain

Tatalaku perniagaan terhadap rakan-rakan niaga kami dan pihak lain adalah jujur dan telus.

5. Hubungan perniagaan

Kami ingin membina dan mengekalkan hubungan yang adil dan kompetitif dengan rakan-rakan niaga kami yang menggunakan piawaian yang serupa dengan kami dan menyumbang kepada matlamat dan komitmen integriti kami. Kami sering menilai hubungan rakan-rakan niaga bagi memastikan matlamat ini tercapai. Tambahan pula, kami memantau dan mematuhi sekatan-sekatan perdagangan dan kami berharap rakan niaga kami juga melakukan perkara sama.

→ [Dasar perolehan FrieslandCampina](#)

→ [Tatacara perniagaan untuk rakan perniagaan FrieslandCampina](#)

6. Menjalankan perniagaan yang jujur – hadiah dan bayaran

Di FrieslandCampina, kami berpegang kepada amalan perniagaan yang jujur. Oleh itu, kami tidak mengamalkan atau membenarkan sebarang bentuk rasuah. Kami tidak memberi atau menjanjikan apa-apa yang bernilai kepada sesiapa dengan tujuan menerima layanan istimewa yang tidak wajar. Kami juga tidak meminta atau menerima rasuah atau meminta dan membenarkan pihak lain berbuat demikian.

Sebarang bentuk hadiah atau keraian hanya boleh diterima untuk tujuan membina atau mengukuhkan hubungan perniagaan, untuk menunjukkan penghargaan atau untuk mewujudkan rasa muhibbah apabila perlu. Ini bermaksud pemberian ini harus dilakukan pada masa yang berpatutan, secara sederhana, tidak kerap dan tidak secara berlebihan berbanding dengan amalan perniagaan tempatan. Kami tidak menawarkan

atau menerima hadiah atau keraian jika ia mewajibkan atau seolah-olah mewajibkan penerimanya untuk memberi atau menerima balasan atau untuk mempengaruhi keputusan perniagaan yang dibuat.

Dalam membuat hubungan dengan pegawai-pegawai kerajaan, kami perlu lebih berhati-hati kerana pegawai-pegawai kerajaan langsung tidak dibenarkan untuk menerima sebarang bentuk hadiah atau keraian. Dalam setiap keadaan, kami hanya menawarkan dan menerima hadiah atau keraian selaras dengan undang-undang dan polisi organisasi penerima serta polisi organisasi kami sendiri.

→ [Polisi pengendalian perniagaan secara jujur FrieslandCampina - hadiah dan bayaran](#)

7. **Aktiviti awam – sumbangan politik, melobi dan kerja amal**

Sebagai sebuah organisasi, kami tidak menyokong mana-mana parti politik mahupun tidak menyumbang wang atau sebarang jenis sumbangan (dari segi masa atau produk) kepada individu-individu yang berkepentingan secara politik. Kakitangan dibolehkan untuk melibatkan diri secara peribadi pada waktu lapang individu mereka, akan tetapi mereka tidak boleh memberi gambaran bahawa ianya mendapat sokongan syarikat kami.

Kami juga mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan berkaitan isu-isu sosial dan etika. Kami turut menggalakkan kakitangan yang dilantik untuk bekerjasama dengan kerajaan dan organisasi-organisasi dalam membentuk peraturan-peraturan dan undang-undang yang mungkin memberi kesan kepada perniagaan kami.

Kami memastikan sumbangan komuniti dan sumbangan amal dilakukan secara telus dan profesional dan sentiasa mematuhi peraturan organisasi kami.

→ [Polisi pengendalian perniagaan secara jujur FrieslandCampina - hadiah dan bayaran](#)

8. **Persaingan seimbang**

Kami percaya dengan persaingan yang seimbang dan saksama. Oleh itu, kami menjalankan aktiviti-aktiviti dengan cara yang adil dan kompetitif, dan pada masa yang sama mematuhi undang-undang anti-monopoli. Apabila kami sangsi akan tindakan yang tidak mematuhi undang-undang anti-monopoli, kami akan berbincang terlebih dahulu.

→ [Polisi anti-monopoli FrieslandCampina](#)

9. Komunikasi seimbang

Dalam semua komunikasi kami, termasuk media sosial, kami dialukan untuk berkomunikasi secara terbuka, dengan rasa hormat dan berhemah serta tidak menjejaskan reputasi baik kami. Aduan pelanggan akan dikendalikan secara adil dan profesional.

- Garis panduan media sosial FrieslandCampina
- Panduan untuk hubungan media FrieslandCampina
- Garis panduan untuk publisiti dari pihak ketiga
- Piawaian Korporat FrieslandCampina bagi Komunikasi Pemasaran yang Bertanggungjawab
- Piawaian Korporat FrieslandCampina bagi Pemasaran Makanan Bayi



Organisasi kami

Tatalaku organisasi kami bermatlamat untuk menggunakan aset syarikat secara jujur dan berhati-hati.

10. Penggunaan sumber syarikat

Kami mempunyai akses kepada pelbagai sumber syarikat dan kita bertanggungjawab untuk melindunginya. Sumber-sumber syarikat termasuk kereta, komputer dan mesin, serta jenama, inovasi dan hak cipta harta intelek kami. Sumber-sumber ini mesti digunakan secara berhati-hati untuk tujuan perniagaan dan tidak menjejaskan kepentingan organisasi.

→ [Polisi penggunaan sumber-sumber syarikat FrieslandCampina](#)

11. Perlindungan maklumat sulit

Maklumat sulit syarikat dan yang berkaitan dengannya hendaklah diurus secara berhati-hati dan dilindungi daripada sebarang pendedahan yang tidak dibenarkan. Maklumat sulit (sebagai contohnya kemahiran intelek) merupakan aset berharga yang dapat memberikan satu kelebihan dari segi persaingan perniagaan. Pendedahan maklumat sulit syarikat kepada pihak luar terhad untuk tujuan perniagaan yang sah. Malahan, di dalam ruang lingkungan organisasi, perkongsian maklumat sulit adalah terhad kepada rakan sekerja yang terlibat sahaja. Penggunaan maklumat sulit pihak ketiga (sebagai contoh pesaing-pesaing kami) hanya boleh digunapakai melalui cara yang sah dan jujur.

→ [Polisi penggunaan maklumat sulit FrieslandCampina](#)

12. Perlindungan data

Kami menghormati hak privasi rakan sekerja, ahli-ahli, pengguna, pelanggan, pembekal dan rakan-rakan perniagaan. Oleh itu, data peribadi yang sedia terkumpul diuruskan secara sulit. Kami hanya mengumpul, memproses, menghantar dan menggunakan data peribadi secara munasabah untuk tujuan komunikasi perniagaan. Data peribadi sulit ini adalah dihormati dan kami bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa data tersebut dijaga dengan tepat, lengkap, relevan dan selamat.

→ [Manual-manual Privasi FrieslandCampina](#)

→ [Kod Privasi untuk Data Pekerja FrieslandCampina](#)

→ [Kod Privasi Pihak Luaran FrieslandCampina](#)

13. Integriti pelaporan (kewangan)

Keputusan perniagaan hanya dibuat berdasarkan fakta-fakta yang relevan. Oleh itu, kami perlu memastikan bahawa data dan maklumat adalah daripada sumber yang boleh dipercayai dan sedia mematuhi garis panduan organisasi kami. Kami bertanggungjawab untuk memastikan bahawa dokumen kewangan dan bukan kewangan, rekod dan laporan (untuk kegunaan dalaman dan luaran) adalah tepat, lengkap, konsisten dan terkini. Kami juga memastikan bahawa laporan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan serta polisi perakaunan kumpulan syarikat (Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan Prinsip Perakaunan Diterima Umum tempatan (GAAP)).

→ [Polisi rekod kewangan dan bukan kewangan FrieslandCampina](#)

14. Pencegahan unsur penipuan

Tiada tolak ansur sekiranya terdapat tingkah laku yang berniat untuk memperdaya atau mengelirukan pihak lain. Semua kakitangan dikehendaki untuk melaporkan sebarang unsur penipuan di dalam organisasi kami.

→ [Polisi pencegahan unsur penipuan FrieslandCampina](#)

Ikuti Compass

Skop

Kesemua kakitangan kumpulan syarikat FrieslandCampina wajib mematuhi *Compass*. Ini juga membabitkan semua pihak-pihak yang bekerja untuk organisasi kami samada melalui agensi, sebagai pembekal, konsultan bebas atau sebarang posisi yang dipegang. Lembaga Eksekutif telah melantik seorang Pengurus Korporat Tatalaku Perniagaan, di mana tugasnya adalah untuk memantau dan melaporkan penemuan-penemuan dan cadangan-cadangan yang berhubung kait dengan *Compass* secara kerap kepada Lembaga Eksekutif dan Lembaga Penyeliaan.

Budi bicara

Compass sebagai tatalaku perniagaan yang baik menjelaskan bagaimana kami ingin menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab dan apa yang diharapkan daripada semua rakan sekerja. Namun begitu, *Compass* tidak terpakai dalam sebarang situasi yang mungkin di hadapi dalam tugas seharian. Logik ("*common sense*") dan penilaian professional masih diperlukan untuk memastikan nilai-nilai integriti, rasa hormat dan telus digunakan setiap hari, untuk mengekalkan reputasi baik serta mengembangkan kejayaan perniagaan kami.

Tanggungjawab peribadi untuk memahami *Compass*

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memahami isi kandungan tersurat dan tersirat *Compass* dan mematuhiinya. Sekiranya anda merasakan terdapat mana-mana bahagian di dalam *Compass* yang kurang jelas, sila jadikan ia tanggungjawab peribadi anda untuk mendapatkan penjelasan yang sepenuhnya.

Pihak Pengurusan

Sudah tentu, *Compass* juga diterapkan kepada pihak pengurusan, Lembaga Eksekutif dan Lembaga Penyeliaan kami. Mereka yang menjawat jawatan pihak pengurusan syarikat mempunyai lebih tanggungjawab kerana mereka perlu menjadi contoh teladan syarikat organisasi, sebagai contohnya, mereka perlu memastikan bahawa semua kakitangan

mempunyai akses kepada *Compass* dan mengikuti latihan serta *e-learning Compass*. Seterusnya, tanggungjawab utama pihak pengurusan adalah untuk mewujudkan persekitaran terbuka di mana para kakitangan dapat mengutarakan kebimbangan atau rasa syak mereka tanpa risau akan tindak balas negatif.

Bagaimana menangani dilemma: *The Mirror Test* (ujian cermin)

Lakukan *the mirror test* sekiranya anda mempunyai keraguan samada sesuatu tindakan itu boleh diterimapakai ataupun sebaliknya berdasarkan *Compass* dan dasar-dasar organisasi. Cerminkan diri anda dan tanyakan diri anda soalan-soalan berikut. Ini dapat membantu anda menganalisa secara kritikal akan situasi yang dihadapi.



Adakah tindakan itu betul?

Adakah ianya sah di sisi undang-undang?

Adakah ianya selari dengan nilai-nilai syarikat dan *Compass*?

Apa yang orang lain akan fikirkan tentang tindakan saya ini?

Adakah saya bertanggungjawab secara peribadi?

Lakukan perkara yang betul!

Membangkitkan persoalan atau kekhawatiran

Kakitangan adalah digalakkan untuk mengutarakan sebarang kebimbangan akan percanggahan (yang disyaki) berkaitan dengan *Compass*, dengan bersuara dan membangkitkan kebimbangan itu. Kami memahami ianya memerlukan sifat berani untuk bersuara. Oleh itu kami ingin memupuk satu budaya dalam organisasi ini supaya tidak bimbang akan hukuman atau layanan yang tidak adil sekiranya anda menyuarakan kebimbangan tersebut. Sekiranya anda bimbang terdapat sesuatu yang salah atau merbahaya yang sedang berlaku di tempat kerja, jangan diamkan diri. FrieslandCampina tidak akan bertolak ansur dengan kesan negatif yang dikenakan ke atas sesiapa yang membangkitkan kebimbangan mereka dengan niat baik; anda akan dilindungi.

Tatacara 'Speak Up' kami dapat memberikan anda garis panduan bagaimana anda boleh mengutarakan kebimbangan anda.